

**TEKS UCAPAN**  
**BRIG JEN DATUK PROF DR KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR UniMAP**  
**PADA MAJLIS PERASMIAN PENUTUP PECIPTA 2013**  
**DI KLCC PADA 10 NOVEMBER 2013 (AHAD)**

**SALUTASI**

Yang Berhormat, Dato' Seri Idris Jusoh, Menteri Pendidikan II, Kementerian Pendidikan Malaysia,

Yang Berbahagia, Prof Dr Dato' Morshidi Sirat, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia,

Yang Berbahagia, Prof Dato' Dr Mohamad Mustafa Ishak, Naib Canselor Universiti Utara Malaysia,

Yang Berbahagia, Dato' Wan Ismail Wan Yusoh, Ketua Hubungan Strategik Bank Islam Malaysia Berhad,

Yang Berbahagia, Tuan Sukor Hassan, Pengurus Besar Sektor Kesihatan, Pendidikan, dan Perkhidmatan, Telekom Malaysia Berhad,

Yang Berbahagia, Tuan Amir Md Noor, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Kolej Komuniti Kementerian Pendidikan Malaysia,

Dif-Dif Kehormat,

Naib-Naib Canselor Institusi Pengajian Tinggi dan wakil,

Para Peserta PEKIPTA 2013,

Wakil-wakil Media Seterusnya Hadirin Yang Saya Hormati Sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera,

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP,

## **KATA ALUAN**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana atas limpahan dan keizinanNya maka dapatlah kita bersama-sama pada Majlis Perasmian Penutup **Persidangan Dan Eksspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA) 2013.** Majlis ini sebenarnya memberi tanda bahawa PECIPTA 2013 akan melabuhkan tirainya hari ini.
  
2. Pertama sekali, izinkan saya untuk merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Berbahagia, Prof Dr Dato' Morshidi Sirat, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia yang sudi melapangkan waktu untuk turut sama-sama hadir bagi memeriahkan majlis ini dan seterusnya merasmikan Majlis Perasmian Penutup **Persidangan Dan Eksspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA) 2013.**
  
3. **Tidak lupa juga diucapkan terima kasih kepada sahabat saya iaitu Naib Canselor UUM,** Prof Dato' Dr Mohamad Mustafa Ishak merangkap Penggerusi Bersama

Jawatankuasa Pelaksana PEKİPTA 2013 bersama jawatankuasa gabungan UniMAP – UUM yang memberikan kerjasama yang cukup mantap dalam menjayakan penganjuran PEKİPTA 2013 yang pertama kali dianjurkan secara bersama oleh dua buah universiti.

4. Saya percaya penganjuran bersama PEKİPTA 2013 ini telah mewujudkan hubungan yang erat sesama kita. Saya berdoa semoga silaturrahim yang terjalin sesama kita ini akan berkekalan dan insyaAllah tiada halangan untuk kita bekerjasama lagi di masa hadapan. InsyaAllah.
5. Tidak lupa juga, sekalung penghargaan kepada para juri dari dalam dan luar negara, yang menyertai PEKİPTA 2013 ini. Kepada para peserta dan penyelidik, ucapan tahniah saya titipkan atas usaha menghasilkan produk penyelidikan yang terbaik. Kalah atau menang adalah adat bertanding. Apa yang penting adalah pengalaman yang ditimba dan akan diaplikasikan di kemudian hari.

## **PENGKOMERSIALAN PRODUK PENYELIDIKAN**

Hadirin sekalian,

6. Seperti yang kita tahu, PEKİTA 2013 diadakan dengan tujuan bagi **mempamerkan hasil ciptaan dan inovasi yang dihasilkan oleh semua Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta sama ada di Malaysia mahupun luar Negara.**
7. Saya mendapat makluman bahawa terdapat banyak respon positif yang diterima daripada pihak industry berkaitan produk penyelidikan yang dihasilkan oleh para penyelidik. Mereka berhasrat untuk mengkomersialkan produk tersebut agar dikenali dan dapat dimanfaatkan oleh seluruh masyarakat.
8. Saya memandang serius perkara ini kerana adalah menjadi hasrat setiap daripada penyelidik untuk melihat produk yang dihasilkan dikomersialkan ke pasaran luar. Ini adalah bagi membuktikan bahawa penghasilan produk tersebut adalah demi memberi manfaatkan dan memudahkan urusan sehari-hari para pengguna tersebut.

9. Oleh itu, saya berharap usaha untuk mengkomersialkan produk penyelidikan ini tidak terhenti setakat ini sahaja. Seandainya di medan pameran PECIPTA 2013 ini, para penyelidik masih belum menerima respon positif dari pihak industry, saya menyeru kepada semua untuk teruskan usaha dengan mengenalpasti industry atau individu berkaitan dan seterusnya mewujudkan hubungan kerjasama bagi memberi kefahaman kepada mereka mengenai kelebihan dan kepentingan produk yang dihasilkan.

#### **ELAKKAN PENGHASILAN PRODUK ‘SYOK SENDIRI’**

10. Semua perkara yang saya ucapkan ini adalah berkaitan dengan objektif penganjuran PECIPTA 2013 dimana kita senantiasa menyokong cita-cita dan hasrat kerajaan untuk memacu pembangunan negara melalui penekanan kepada usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan.

11. Selain sebagai medan untuk mewujudkan jaringan kerjasama antara IPT dan industry yang menjadi

agenda utama iaitu pengkomersialan, PEKIPTA juga telah bertindak mempamerkan produk-produk yang direka dan dicipta oleh IPT yang telah berjaya dikomersialkan. Oleh itu, harapan saya agar ianya dapat memberi gambaran jelas kepada penyelidik muda untuk memahami selok belok penyelidikan yang mempunyai nilai komersial yang tinggi.

12. Saya percaya ini akan membantu mengelakkan penyelidikan yang bersifat ‘syok sendiri’ di mana produk tersebut tidak mempunyai demand di kalangan para pengguna. PEKIPTA inginkan semua produk yang berada di PEKIPTA 2013 ini berjaya dikomersialkan. Sekaligus membuktikan bahawa penghasilan produk tersebut mempunyai permintaan yang tinggi dan pasarannya yang tersendiri.

13. Penghasilan produk penyelidikan yang bermutu tinggi dan tidak syok sendiri pasti akan membantu meningkatkan keyakinan sektor industri dan pihak luar terhadap kepakaran dan kebolehan penyelidikan yang terdapat di IPT dan seterusnya membawa kepada “*businessmatching*” antara kedua-dua pihak. Ini secara

tidak langsung akan memasarkan kepakaran penyelidikan para penyelidik yang berupaya bersaing di arena tempatan dan antarabangsa. InsyaAllah.

## **PENUTUP**

Hadirin sekalian,

14. Sebelum saya mengakhiri ucapan, izinkan saya sekali lagi untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak serta seluruh ahli jawatankuasa gabungan UniMAP-UUM atas usaha gigih yang telah memastikan kelancaran PECIPTA 2013.

15. Terima kasih juga kepada penaja utama iaitu Bank Islam Malaysia Berhad dan Telekom Malaysia Berhad, serta kesemua para penaja yang memberi sokongan dalam bentuk kewangan dan peralatan.

16. Saya bagi pihak pengajur PECIPTA 2013 iaitu Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan rendah hati menyusun sepuluh jari memohon kemaafan di atas sebarang kekurangan

yang berlaku sepanjang penganjuran PECIPTA kali ini. Apa yang baik itu jadikan tauladan dan apa yang terkurang itu jadikanlah sempadan.

Sekian, Terima kasih.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh